



KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR

STATUS JEREBU DALAM NEGARA

18 OGOS 2016

Keadaan berjerebu di Lembah Klang dan beberapa kawasan di sekitarnya beransur pulih pada pagi ini. Sehingga jam 8 pagi, sebanyak 22 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap 'baik' dan sebanyak 29 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'sederhana'. Bacaan IPU tertinggi adalah di Seri Manjung, Perak iaitu 97 (sederhana). **Tiada kawasan yang mencatatkan bacaan IPU 'tidak sihat'.**

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 17 Ogos 2016, bilangan 'hotspot' telah berkurangan di Sumatera (7) tetapi **meningkat dengan mendadak di Kalimantan iaitu 146** berbanding 77 pada 16 Ogos 2016. Dalam negara pula, sebanyak 14 'hotspot' dikesan iaitu 3 di negeri Pahang dan 11 di negeri Sarawak. Di Sarawak, 'hotspot' dikesan di beberapa kawasan di Bahagian Serian, Sibu, Sarikei, Sri Aman dan Kuching. Lokasi "hotspot" dalam negara sedang disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

Berikutan perkembangan ini, Sekretariat ASEAN selaku 'Interim ASEAN Coordinating Centre' telah mengaktifkan 'alert level 2' bagi Kalimantan pada 18 Ogos 2016. Tahap ini mengkehendaki negara-negara ASEAN menghantar 'situation report' setiap hari kepada Sekretariat ASEAN bagi memaklumkan status kebakaran dan tindakan-tindakan pemadaman dan mitigasi jerebu yang telah dan sedang diambil. Ia juga membolehkan tahap kebakaran dan situasi jerebu dipantau dan dinilai (assessment) sekiranya 'joint emergency response' perlu diaktifkan.

Untuk rekod, keadaan berjerebu kembali melanda beberapa kawasan di Lembah Klang termasuk beberapa kawasan di Melaka dan Negeri Sembilan pada 16 Ogos 2016. Keadaan ini dipengaruhi oleh jerebu merentas sempadan berikutan kebakaran tanah dan hutan di Sumatera Tengah, Indonesia yang dibawa oleh angin Monsun Barat Daya. Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh pihak ASMC pada 17 Ogos 2016 adalah seperti di **Rajah 1**.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih memantau rapi status kualiti udara di seluruh negara berikutan kejadian jerebu masih tidak menentu. Titik-titik panas (hotspots) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang masih aktif boleh menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan berterusan ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan ke negeri Sarawak.

Untuk tidak memburukkan keadaan berjerebu, semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play'.

PETA JEREBU SERANTAU, 17 OGOS 2016

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)

